

50

SOALAN NO: 218

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)  
TARIKH : SOALAN : 218**

**YB TUAN TEO KOK SEONG (RASAH)** memohon **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) Berapakah jumlah peruntukan diturunkan kepada semua hospital dan klinik kesihatan di Negeri Sembilan untuk memastikan perkhidmatan perubatan yang terbaik kepada rakyat berdasarkan daerah sejak tahun 2010 – 2017: dan
- b) berapakah jumlah ambulan yang diperlukan di Negeri Sembilan untuk menampung permintaan yang semakin meningkat.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan di Negeri Sembilan bagi pembinaan fasiliti baru dan menaiktaraf fasiliti sedia ada pada tahun 2012 – 2017 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN(RM)</b>	<b>PERBELANJAAN</b>
<b>2012</b>	25,981,727	25,798,992
<b>2013</b>	50,142,204	50,079,236
<b>2014</b>	18,990,293	18,863,360
<b>2015</b>	24,562,762	24,472,049
<b>2016</b>	21,047,601	17,989,875
<b>2017</b>	17,653,296	9,217,653

**Tuan Yang di-Pertua,**

Keperluan kenderaan ambulans untuk Negeri Sembilan adalah sebanyak 86 buah ambulans berdasarkan beban kerja serta jarak perjalanan penghantaran pesakit ke fasiliti kesihatan lain. Buat masa ini bilangan kenderaan ambulans yang dalam keadaan baik di Negeri Sembilan adalah 85 buah. Bagi perolehan kenderaan ambulans pada 2017 / 2018, Negeri Sembilan diperuntukkan sebanyak 18 buah untuk diagihkan kepada hospital dan klinik kesihatan.

52

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**SOALAN : NO. 219**

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 dalam meningkatkan jumlah lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya serta sejauh manakah kolaborasi dengan agensi lain bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif untuk mahasiswa.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memantapkan pendidikan keusahawanan melalui inisiatif Rangka Kerja Penjana Pekerjaan atau *Job Creator Framework* bertujuan untuk membangunkan graduan berciri keusahawanan unggul dengan menganjakkan minda mereka daripada pencari pekerjaan (*job seeker*) kepada penjana pekerjaan (*job creator*). Pelbagai program keusahawanan telah dilaksanakan oleh KPT termasuk kolaborasi dengan agensi lain seperti *Siswapreneur Showcase*, KPT-MTDC TVET *Symbiosis Program* dan KPT-TERAJU SUPERB *Higher Education League*. Hasil keberkesanan program-program ini dapat dilihat dengan peningkatan tahap penglibatan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) dan aktiviti keusahawanan daripada kurang 20% pada tahun 2011 kepada lebih 60% pada tahun 2016.

Selain itu, jumlah graduan yang menceburi bidang keusahawanan juga telah meningkat daripada 1.0% pada tahun 2012 kepada 2.5% pada tahun 2016. Melalui konsep *Learn & Earn*, iaitu aktiviti perniagaan semasa dalam pengajian, seramai 3% pelajar IPT telah memulakan perniagaan semasa dalam pengajian pada tahun 2016.

Sehingga kini, keusahawanan telah dijadikan sebagai agenda dan petunjuk prestasi utama di kesemua IPT awam di Malaysia